

## Tuntutan Filipina ke atas Sabah kepada Malaysia, 1962–2010: Analisis dari Perspektif Filipina

*The Sabah Claim by Philippines to Malaysia 1962-2010, an Analysis from the Philippines Perspective*

RAMMANI KARUPIAH & MOHD FIRDAUS ABDULLAH

### ABSTRAK

*Artikel ini membincangkan tuntutan Filipina ke atas Sabah dari tahun 1962 sehingga 2010 berdasarkan perspektif Filipina secara keseluruhannya. Dalam tempoh yang dinyatakan, dapat dilihat isu tuntutan kerajaan Filipina ke atas Sabah kepada Malaysia telah mendominasi hubungan dua hala kedua-dua negara. Meskipun hubungan bilateral telah terjalin sejak Persekutuan Tanah Melayu memperoleh kemerdekaan pada tahun 1957, isu tuntutan ini telah menjelaskan hubungan berkenaan. Bermula dari pemerintahan Macapagal sehingga Arroyo, pelbagai polisi dan dasar telah dibentuk oleh kerajaan Filipina dalam menangani isu tuntutan ke atas Sabah. Maka dengan itu, artikel ini ingin memberikan gambaran yang menyeluruh mengenai tuntutan ke atas Sabah bermula dari tahun 1962 sehingga 2010 daripada perspektif Filipina. Hasil kajian menunjukkan bahawa sejak tahun 1962 sehingga 2010, isu tuntutan ke atas Sabah telah berterusan secara konsisten. Isu tuntutan ke atas Sabah diakui telah menimbulkan ketegangan antara Filipina dengan Malaysia dalam tempoh yang dinyatakan. Namun begitu, di sebalik ketegangan yang berlaku, dapat dilihat bahawa beberapa pemimpin Filipina bersikap rasional dan profesional dalam tuntutan negara mereka ke atas Sabah kepada Malaysia. Isu tuntutan ke atas Sabah dilihat telah ‘direhatkan’ oleh kerajaan Filipina bagi menjamin hubungan diplomasi yang terjalin dengan Malaysia.*

Kata kunci: Filipina; Malaysia; Sabah; ASEAN; Presiden Filipina

### ABSTRACT

*This article discusses the effects of Philippines claim towards Sabah on Philippines-Malaysia bilateral relations from 1962 to 2010. The Sabah claim and its affects is analyzed from the perspective of Philippines. Although bilateral relations have been established since the Federation of Malaya gained independence in 1957 yet the Sabah claim has had profound implications. Bilateral relations became strained when President Diosdado Macapagal formally submitted the Philippines' claim on Sabah in 1962. Since then, relations between the Philippines and Malaysia have been overshadowed by issues surrounding the claim. This article focuses on how the Sabah claim have been handled by the leadership and the government of Philippines since 1962. The purpose of this article is to highlight how Presidents Macapagal, Marcos, Aquino, Ramos, and Arroyo dealt with the Sabah claim. Various policies have been formulated by the Philippine Government in addressing Sabah claim against Malaysia. The results show that since 1962 to 2010 the Philippines government has shown seriousness and continued efforts in pursuing the claim. Admittedly, the issue of Sabah's claim has caused tensions between the Philippines and Malaysia in the stated period. However, despite the tensions, some Filipino leaders were rational in handling this thorny issue.*

Keywords: Philippines; Malaysia; Sabah; ASEAN; Filipino leaders

### PENDAHULUAN

Idea pembentukan Malaysia yang terdiri daripada Tanah Melayu, Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei dicadangkan oleh Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman (dikenali dengan panggilan Tunku) pada 27 Mei 1961 semasa makan tengah hari di Persatuan Koresponden Asing, Singapura (Chandran Jeshurun

2007). Visi Tunku menjadi kenyataan pada 16 September 1963 apabila Persekutuan Malaysia ditubuhkan yang terdiri daripada Tanah Melayu, Singapura, Sabah (Borneo Utara) dan Sarawak. Malaysia dibentuk selepas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melaporkan bahawa majoriti penduduk di Sabah dan Sarawak menyokong serta menerima pembentukan negara baru ini.

Sebenarnya, idea pembentukan Malaysia yang juga dikenali sebagai “*Greater Malaysia*” telah dicadangkan bermula tahun 1961 lagi. Malah usaha untuk menggabungkan beberapa negeri di Tanah Melayu dan Borneo dilihat telah dilakukan lebih awal misalnya pada tahun 1887, Lord Brassey, Pengarah Syarikat Borneo Utara British, mengemukakan cadangan untuk menggabungkan wilayah Borneo Utara (Sabah) dengan wilayah lain bagi tujuan kelangsungan ekonomi (Aszlan Selamat 2016). Hal ini kerana, Borneo Utara tidak memberikan keuntungan yang diharapkan untuk Syarikat Borneo Utara British. Selain itu, sebelum Perang Dunia Kedua, Frank Swettenham telah mencadangkan supaya Negeri-Negeri Melayu, Negeri-Negeri Selat dan Borneo Utara digabungkan menjadi sebuah tanah jajahan yang besar. Namun, cadangan beliau tidak mendapat sokongan dan perhatian oleh British (Stockwell 1974). Dari tahun 1951 sehingga tahun 1955, Sir Malcolm McDonald turut mencadangkan gabungan wilayah British yang dikenali sebagai “*Grand Design*” (Joseph M. Fernando & Shanthiah Rajagopal 2017). Namun begitu, hasrat untuk membentuk gabungan tanah jajahan British yang terdiri daripada Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak dan Brunei hanya tercapai pada tahun 1961 (Mohd Azhar Zainal 2022).

Namun begitu, Filipina di bawah Presiden Macapagal tidak mengiktiraf pembentukan Malaysia. Filipina membuat tuntutan rasmi terhadap Sabah pada 22 Jun 1962. Perkara ini menyebabkan perbalahan politik pada 17 September 1963 yang memperlihatkan kerajaan Filipina menurunkan status kedutaannya di Kuala Lumpur menjadi konsulat. Akibatnya, Malaysia bertindak memutuskan hubungan diplomatik dengan Filipina. Sejak dari itu, tuntutan terhadap Sabah telah menjelaskan hubungan antara Filipina dengan Malaysia, terutamanya semasa pemerintahan Presiden Macapagal dan Ferdinand Marcos (Azlie Ismail & Geetha Govindasamy 2019). Sememangnya, tuntutan Sabah oleh kerajaan Filipina telah memberikan impak yang besar kepada hubungan dua hala antara Filipina dan Malaysia sejak tahun 1962. Maka dengan itu, penyelidikan ini bermatlamat untuk memberikan gambaran menyeluruh mengenai tuntutan Filipina ke atas Sabah bermula pada tahun 1963 sehingga 2010 daripada perspektif Filipina.

## KAJIAN LITERATUR

Penyelidikan berkaitan dengan hubungan Filipina dengan Malaysia yang bertumpu kepada tuntutan

terhadap Sabah dilihat telah mendapat perhatian yang meluas dalam kalangan penyelidik sebelum ini. Namun begitu, kebanyakan penyelidikan sedia ada didapati tidak memberikan tumpuan kepada perspektif Filipina terhadap tuntutannya kepada Malaysia ke atas Sabah. Kebanyakan penyelidikan yang bakal disenaraikan juga dilihat tidak mempunyai skop tahun kajian sehingga 2010 seperti penyelidikan ini. Hal itu menunjukkan bahawa masih terdapat ruang dan peluang yang boleh dilakukan dalam penyelidikan ini untuk mengisi permasalahan kajian yang ditinggalkan oleh penyelidikan lain. Selain itu, penyelidikan ini juga turut menggunakan bahan serta sumber baharu dan terkini yang telah dibuka untuk rujukan bagi penyelidikan berkaitan dengan tuntutan Filipina terhadap Malaysia ke atas Sabah. Situasi ini memberikan kelebihan kepada penyelidik dan ia dapat digunakan untuk melengkapkan dapatan sedia ada berkaitan dengan topik penyelidikan ini.

Penyelidikan yang berjudul *Philippines Policy towards Sabah, a Claim to Independence* oleh Lela Garner Noble mempunyai maklumat komprehensif berkaitan dengan tuntutan Filipina ke atas Sabah sehingga tahun 1976. Penyelidikan ini menyatakan bahawa tuntutan Filipina terhadap Sabah pada tahun 1962 berlaku disebabkan faktor pemimpin Filipina itu sendiri yang mahu menimbulkan sensasi politik dan menjadikan Sabah sebagai sasaran politik di negara mereka. Noble turut menegaskan bahawa tuntutan ini sebagai “*puzzling*” atau membingungkan atas banyak sebab sehingga dianggap sebagai “*nuisance*” atau gangguan oleh kerajaan dan rakyat Britain, Tanah Melayu dan Borneo Utara (Lela Garner Noble 1997). Selain itu, Donald Traicy Laird melalui *The Philippines in Southeast Asia: Transactions, Interactions and Conflict with Indonesia, Malaysia, Singapore and Thailand* juga memberikan maklumat yang mendalam tentang bagaimana pemimpin Filipina membentuk hubungan dengan Malaysia sehingga tahun 1976. Laird menyatakan bahawa tindakan Macapagal menuntut Sabah kepada Malaysia tidak sekadar mencetuskan ketegangan antara kedua-dua negara, tetapi juga menunjukkan ancaman terhadap kestabilan dan kedudukan pertubuhan antarabangsa serantau seperti ASEAN. Namun begitu, penyelidikan ini tidak memberikan maklumat berkaitan dengan tuntutan ke atas Sabah selepas tahun 1975 (Donald Tracy Laird 1975).

Nicholas Tarling melalui *Sulu and Sabah : A Study of British Policy towards The Philippines and North Borneo From Late 18<sup>th</sup> Century* telah memberikan butiran penting berkaitan dengan latar

belakang tuntutan ke atas Sabah oleh Filipina dari tahun 1961 sehingga 1970-an. Tarling menyatakan kerajaan British percaya bahawa tuntutan terhadap Sabah akan memberikan kesan yang tidak diingini kepada penduduk di Malaysia termasuk di Borneo. Tuntutan tersebut juga dilihat telah menjasaskan hubungan British dengan kerajaan Filipina meskipun penduduk di Sabah menerima pembentukan Malaysia melalui tinjauan yang dilakukan oleh *The United Nations* (Nicholas Tarling 1978). Sementara itu, K. G. Tregonning melalui *The Philippine Claim to Sabah* menyatakan tindakan Marcos menuntut Sabah menunjukkan bahawa Filipina cuba menafikan “*Malaysia territorial integrity*” atau menafikan integriti wilayah Malaysia. Pada masa sama, beliau telah menyamakan perbuatan Marcos ini dengan tindakan Jerman dalam menuntut Sudenten-Land dan tuntutan Jepun terhadap Manchuria. Namun begitu, penyelidikan ini hanya memberikan fokus terhadap tuntutan ke atas Sabah pada sekitar tahun 1960-an dan menjadikan Marcos sebagai subjek utama dalam tuntutan negara itu kepada Malaysia (K. G Tregonning’s 1970). Penyelidikan oleh Mat Zin Mat Kib yang berjudul *The Philippines’ Claim Over Sabah from the Cold War Perspective* menegaskan bahawa tuntutan Filipina ke atas Sabah telah memberi kesan kepada rantaui Asia Tenggara terutamanya ketika era perang dingin. Beliau menegaskan bahawa tuntutan dikemukakan oleh Kerajaan Filipina pada tahun 1962 telah memberikan kesan yang besar kepada hubungan dengan bekas penjajah antara kedua-dua negara. (Mat Zain Mat Kib 2020). Sementara itu, Rammani Karupiah dan Danny Wong Tze Ken melalui *The Muslim Moro Conflict in Southern Philippines: Effects On Philippines-Malaysia Bilateral Ties, 1970-2010* menyatakan salah satu punca konflik masyarakat Moro Islam di selatan Filipina adalah kerana tuntutan Kerajaan Filipina ke atas Sabah (Mohd Nur Hidayat et al. 2020). Malah Peristiwa Corregidor atau Jabidah yang berlaku di Pulau Corregidor pada 18 Mac 1968 mempunyai kaitan rapat dengan isu tuntutan ke atas Sabah (Rammani Karupiah & Danny Wong Tze Ken 2019).

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan penyelidikan sejarah dan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif bagi menganalisis tuntutan Filipina ke atas Sabah dari tahun 1962 sehingga tahun 2010. Bagi mencapai objektiviti dalam penyelidikan sejarah, beberapa

tindakan dan proses telah dilakukan, misalnya kritikan, analisis, heuristik dan historiografi (Boldt, 2014). Seperti penyelidikan sejarah yang lain, kajian kepustakaan telah digunakan bagi mengumpul sumber primer dan sekunder. Para penyelidik telah berkunjung Arkib Negara Malaysia, Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri, Kementerian Luar Negeri Malaysia, *the Institute of Strategic and International Studies (ISIS) Malaysia, the National Archives Kew London, the*

*British Library, the University of London School of Oriental and African Studies (SOAS) Library, Yale University Library, the New York Public Library, the Carlos P. Romulo Library, the Department of Foreign Affairs (DFA) Manila, the National Library Manila, the Senate of the Philippines Legislative Library dan the Presidential Adviser on the Peace Process (OPAPP) Library in Manila.*

Pelbagai data dan sumber utama berkaitan Filipina telah dirujuk termasuk penerbitan rasmi kerajaan Filipina yang diperoleh daripada daripada Kementerian Hal Ehwal Luar Filipina (*Department of Foreign Affairs*), teks ucapan, akhbar, rekod daripada Dewan Senat Filipina, Minit Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Luar Negeri, rang undang-undang yang diluluskan oleh Senat Filipina. Manakala rujukan bagi dokumen rasmi Kerajaan Malaysia adalah terdiri daripada penerbitan rasmi Kementerian Luar Negeri seperti Hal Ehwal Luar Malaysia, Perbaasan Parlimen, teks ucapan dan kenyataan akhbar. Manakala rujukan Rekod British adalah terdiri daripada Pejabat Kolonial (CO), Pejabat Luar Negeri (FO), Pejabat Kolonial Asing (FCO), fail Pejabat Dominion (DO). Fail-fail ini juga mengandungi dokumen asal dan salinan perjanjian yang melibatkan Sultan Sulu, Baron von Overbeck, Syarikat Borneo Utara, Amerika Syarikat dan Sepanyol. Penyelidikan ini dimulakan dengan proses heuristik iaitu pengumpulan bahan dan sumber yang relevan bagi penyelidikan ini. Proses seterusnya merupakan kritikan sumber iaitu sumber yang diperoleh akan dibandingkan dengan rekod-rekod lain seperti buku, jurnal, latihan ilmiah dan sebagainya. Proses ini penting bagi menentukan kebenaran dan kesahihan sumber-sumber yang diperoleh seterusnya menyingkirkan maklumat yang tidak tepat berkaitan dengan topik penyelidikan ini. Selepas itu, proses analisis yang melibatkan penyimpulan berdasarkan sumber primer dan sekunder dilakukan. Proses ini akan menghasilkan sintesis sumber-sumber yang dinyatakan dan seterusnya melahirkan dapatan kajian. Akhir sekali

merupakan proses penulisan sejarah atau dikenali sebagai historiografi sejarah. Penyelidikan sejarah

ini telah dicapai dan disempurnakan melalui proses-proses yang dinyatakan.



GAMBAR 1. Peta Filipina dan Sabah

Sumber: Maps of Philippines. <http://www.maps-of-the-world.net/maps/maps-of-asia/maps-of-philippines/detailed-administrative-map-of-philippines.jpg>. (Diakses pada 25 Mei 2019).

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### KESAN TUNTUTAN FILIPINA KE ATAS SABAH TERHADAP HUBUNGAN FILIPINA–MALAYSIA DI BAWAH MARCOS, 1965–1986

Presiden Ferdinand Marcos mengambil alih kepimpinan Filipina pada tahun 1965. Beliau meneruskan dasar kerajaan Filipina dalam menuntut Sabah seperti yang dilakukan oleh Macapagal sebelum itu. Ketika pemerintahan Macapagal, beliau dilihat gagal mengendalikan isu tuntutan Sabah dengan sebaik mungkin dan situasi itu menjadi asbab kekalahan beliau dalam pilihan raya presiden. Tindakan Macapagal memutuskan hubungan diplomatik dengan Malaysia menyebabkan beliau kehilangan sokongan dan akhirnya, situasi tersebut dieksplotasi sepenuhnya oleh Marcos. Marcos

bertindak bijak dengan menjadikan salah satu manifesto pilihan rayanya adalah untuk memulihkan hubungan diplomatik dengan Malaysia semasa kempen pilihan raya presiden pada tahun 1965. Beliau mengambil langkah untuk membaiki hubungan dengan Malaysia menerusi pemulihan hubungan diplomatik antara kedua-dua negara dan ia merupakan dasar luar pertama yang diambil oleh Marcos sebaik sahaja beliau menjadi Presiden Filipina. “... *Warganegara Filipina lebih memihak kepada rantau Asia secara takdir dan aspirasi; oleh itu, ia kewajipan untuk mereka berusaha mencapai keselamatan dan kesejahteraan penduduk di rantau ini. Orang Filipina akan terus mengajukan tuntutan terhadap Sabah secara berhemah.*” (Manila Times 8 Februari 1966).

Kerajaan Filipina mengiktiraf Persekutuan Malaysia secara rasminya pada 2 Jun 1966. Marcos

menyifatkan ia merupakan petanda yang baik bagi hubungan dua hala dan tindakannya membuktikan bahawa masih ada harapan yang cerah bagi rantau Asia Tenggara (*Foreign Affairs Review* Vol. 5 No. 1 January-June 1966). Beliau mengatakan pemulihan hubungan antara Filipina dengan Malaysia telah membuktikan bahawa sebarang permasalahan yang kompleks dapat diatasi secara rasional sekiranya kedua-dua pihak berusaha ke arah itu. Bersama-sama dengan pengumuman rasmi pemulihan hubungan itu, kerajaan Filipina dan Malaysia turut bersetuju untuk menaik taraf status pejabat konsular masing-masing kepada kedutaan. Kerajaan Filipina mencadangkan Romeo S. Busuego sebagai Duta Besar Filipina pertama ke Malaysia, sementara Abdul Hamid Jumaat diusulkan sebagai Duta Besar Malaysia ke Filipina (*The Manila Chronicle* 3 June 1966). Marcos sememangnya melihat langkah mewujudkan hubungan baik dengan Malaysia akan membuka peluang kepada Filipina untuk mengadakan rundingan secara langsung dengan Malaysia mengenai Sabah. Selain itu, keputusan beliau untuk membaiki hubungan dengan Malaysia turut dikatakan berkait rapat dengan isu penyeludupan yang menjadi agenda utama pemerintahan Marcos di Filipina pada ketika itu.

Marcos dilihat terus bersikap mesra dengan Malaysia apabila beliau memuji kerajaan Malaysia yang diterajui oleh Tunku Abdul Rahman, atas komitmentinggi dan kesediaannya untuk bekerjasama dengan kerajaan Filipina dalam menangani kegiatan penyeludupan. Marcos menegaskan bahawa pemulihan hubungan diplomatik dengan Malaysia merupakan tonggak penting yang diperlukan demi membina negara yang aman dan maju. Beliau juga menyatakan harapannya bahawa Malaysia juga akan menghargai pemulihan hubungan diplomatik demi kepentingan bersama kedua-dua negara (*Philippines Department of Foreign Affairs Treaty Series (Manila)* Vol. 6, No. 1 1967: *The Manila Chronicle* 3 Jun 1966). Dapat dilihat dengan jelas, strategi Marcos memulihkan hubungan dengan Malaysia bertujuan meyakinkan kerajaan Malaysia untuk meneruskan rundingan mengenai tuntutan Filipina ke atas Sabah. Kedua, Filipina memerlukan sokongan daripada kerajaan Malaysia untuk menangani penyeludupan dari Sabah ke Selatan Filipina. Marcos percaya bahawa penyeludupan yang berlaku akan mengancam ekonomi Filipina dan oleh itu, menyebabkan beliau memerlukan sokongan dan komitmen daripada kerajaan Malaysia. Bagi pentadbiran Marcos, jika penyeludupan antara

Sabah dan Filipina Selatan tidak dapat dibendung, situasi ini akan menyebabkan mereka mengalami kerugian berjuta-juta peso setiap tahun. Oleh hal yang demikian, aksi Marcos yang kelihatan mesra dengan Malaysia merupakan tindakan serampang dua mata beliau bagi meningkatkan kredibilitinya sebagai pemimpin Filipina (H. B Jacobini 1964). Hasilnya, ia memberikan kesan positif bagi Filipina apabila Tunku menandatangani *the Anti-Smuggling Agreement* pada 1 September 1967 yang kemudiannya telah dikuatkuasakan pada 1 Disember 1967 (*Philippines Department of Foreign Affairs Treaty Series (Manila)* Vol. 6, No. 1 1967: FCO 24/496/FWM3/320/1). Dalam ucapan Marcos kepada Kongres Filipina pada 24 Januari 1966, beliau mengukuhkan hujahnya yang mengiktiraf Persekutuan Malaysia kepada rakyat dan ahli politik di Filipina dengan turut menyatakan, “... *Kami berhasrat untuk menormalkan kembali hubungan dengan Malaysia, tanpa membenarkan isu tuntutan kita terhadap Borneo Utara merosakkan persahabatan kita...*” (*Foreign Affairs Review* Vol. 5 No.1 Manila January-June 1966).

Di sebalik tindakan Marcos yang dilihat pro-Malaysia, sememangnya beliau turut bimbang sekiranya tindakannya berbaik dengan Malaysia akan memberikan peluang besar kepada Indonesia untuk mengukuhkan kedudukan mereka di rantau ini. Beliau dilihat skeptikal terhadap pasukan gerila Indonesia yang kononnya bersimpati dengan perjuangan Muslim di Filipina Selatan. Di sebalik ketakutannya, Marcos enggan mengambil tindakan drastik yang boleh menyinggung perasaan Sukarno. Buktinya dapat dilihat melalui keputusannya untuk memaklumkan kepada Indonesia terlebih dahulu mengenai hasratnya untuk mengiktiraf Malaysia (*Manila Times* 9 February 1966).

Namun begitu, penting untuk kita perhatikan bahawa pada akhir tahun 1965, Presiden Sukarno telah digulingkan oleh Jeneral Soeharto dalam rampasan kuasa tentera (Kus Hananto & Sity Daud 2020). Situasi ini telah menamatkan konfrontasi Indonesia ke atas Malaysia yang bermula pada tahun 1963. Kejatuhan Sukarno sangat penting dalam pengiktirafan Marcos terhadap Malaysia pada tahun 1966 (Chandran Jeshurun 2007). Seorang pegawai Kementerian Luar Negeri Filipina, Modesto Forlan dihantar ke Malaysia untuk memberikan penjelasan dan menyampaikan rasa kesal atas kelewatan kerajaannya untuk mengiktiraf Persekutuan Malaysia. Semasa sidang media bersama, kerajaan Filipina dan Malaysia menekankan komitmen

mereka terhadap Perjanjian Manila serta bersetuju untuk menyelesaikan isu Sabah secara damai dan diplomatik (*Foreign Affairs Review Vol. 5 No.1 Manila January-June 1966*).

Keputusan Marcos untuk memperbaik hubungan dan mengiktiraf Persekutuan Malaysia mendapat pelbagai reaksi daripada perwakilan Kongres Filipina. Wakil daripada Zamboanga, Vincenzo A. Sagun dan Senator Javio R. Salonga mengkritik tindakan Marcos yang akan menghancurkan sepenuhnya peluang untuk mendapatkan Sabah semula. Sagun juga menuduh Marcos mudah diperdaya oleh janji-janji kosong kerajaan Malaysia dalam membantu pembanterasan penyeludupan barang-barang seperti rokok, dari Malaysia ke Filipina. Menurut Sagun lagi, Marcos seharusnya mendesak kerajaan Malaysia untuk memberikan jaminan agar menerima tuntutan Filipina terhadap Sabah (*The Manila Chronicle 3 Jun 1966*). Senator Solonga juga menyuarakan kritikan hebat bahawa Marcos melakukan kesilapan mengiktiraf Malaysia dan Presiden Filipina itu seharusnya mendesak kerajaan Malaysia untuk mengemukakan tuntutan ke atas Sabah di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) (*Manila Times 6 Jun 1966*). *The Manila Chronicle* yang merupakan sebuah akhbar harian berpengaruh di Filipina melaporkan bahawa keputusan Marcos telah mendapat kritikan daripada Puteri Terahata Kiram Sultan Jamalul Kiram II yang berketurunan keluarga kerajaan Kesultanan Sulu. Berdasarkan laporan tersebut, Puteri Terahata berpendapat bahawa Marcos seharusnya berunding dengan anggota keluarganya terlebih dahulu sebelum melakukan sebarang keputusan untuk mengiktiraf Malaysia. Akhbar tempatan juga melaporkan bahawa Puteri Terahata Kiram Sultan Jamalul Kiram II, memprotes penuh Persekutuan Malaysia dan pemerintahan Marcos. Manguma Abu Bakar, selaku Presiden Liga Sukarelawan Nasional Borneo Utara, menyampaikan berita ini kepada media (*Sarah Poh Geok Loo 1997*). Namun demikian, setelah dua hari *Manila Chronicle* menerbitkan laporan tersebut, Puteri Tarhata Kiram dilihat berubah fikiran dan menyokong tindakan Marcos kerana ia langkah positif untuk menyelesaikan masalah Sabah sekali gus dapat melindungi hak-hak Kesultanan Sulu ke atas Sabah (*The Manila Chronicle 8 Jun 1966*). Manguma Abu Bakar juga percaya bahawa keikhlasan kerajaan Malaysia mengenai Sabah masih menimbulkan persoalan. Beliau menekankan bahawa penduduk Borneo Utara terpaksa menerima Persekutuan Malaysia dan kerajaan Malaysia merupakan boneka

British yang ingin mewujudkan neo-kolonialisme di Asia Tenggara. Abu Bakar menyatakan, “*Terdapat banyak sebab munasabah yang kita seharusnya tidak mengiktiraf Malaysia yang telah merompak segala hak milik kita di Sabah.*” (*Manila Times 6 Jun 1966*).

Pemimpin dalam Parti Nacionalista menyokong usaha Marcos untuk memperbaik hubungan Filipina–Malaysia yang akan membawa faedah bersama terutamanya dalam mengukuhkan hubungan antara negara-negara Asia dan mengatasi ancaman komunis yang berleluasa di rantau ini. Tindakan Marcos menunjukkan tanda positif dan membuktikan kepada dunia bahawa walaupun Sabah adalah milik Filipina dari sudut undang-undang dan moral, kerajaan di bawah pemerintahan Marcos tidak akan pernah menggunakan tindakan negatif dalam tuntutannya (*Manila Daily Bulletin 3 Jun 1966*).

Akhbar Filipina juga menuduh kerajaan Malaysia memulihkan hubungan dengan Filipina semata-mata bertujuan mewujudkan kesatuan serantau di Asia Tenggara. Perkara ini sejajar dengan kenyataan media Kementerian Luar Malaysia bahawa langkah menyambung semula hubungan diplomatik dengan Filipina adalah tepat pada masanya kerana munculnya kesedaran antara negara-negara di Asia Tenggara mengenai pentingnya kerjasama dalam ekonomi, budaya dan bidang sosial (*The Manila Chronicle 4 Jun 1966*).

Pada April 1967, pilihan raya Dewan Undangan Negeri diadakan di Sabah. Isu utama yang dilihat mendominasi pilihan raya tersebut ialah sama ada Sabah harus kekal dalam Persekutuan Malaysia atau tidak. Kerajaan Malaysia menjemput pemerhati daripada Burma, Ceylon, Indonesia, Thailand dan Filipina ke Sabah untuk proses pemilihan. Namun, pemerintah Filipina menolak pelawaan ini. Kebanyakan parti politik di Sabah menjadikan “*Malaysia Forever*” sebagai manifesto utama yang bertujuan mempengaruhi orang Sabah agar kekal bersama Persekutuan Malaysia. Keputusan pilihan raya tersebut menunjukkan bahawa pengundi di Sabah telah memilih untuk kekal di bawah Persekutuan Malaysia. Keputusan pilihan raya berkenaan dilihat telah memberikan tamparan hebat kepada kerajaan Filipina. Bagaimanapun, jurucakap Kementerian Luar Negeri Filipina mengatakan bahawa isu pilihan raya dan hasil pilihan raya tidak akan mempengaruhi tuntutan kerajaan Filipina terhadap Sabah (*The Manila Chronicle 4 Jun 1966*). Sidang media yang diadakan juga mengecam hasil referendum yang menunjukkan bahawa rakyat Sabah

mahu kekal di bawah Malaysia. Biarpun tuntutan Filipina ke atas Sabah dibawa ke ICJ dan kerajaan Filipina memenangi kes tersebut, referendum lain wajib dilaksanakan untuk mengesahkan kehendak rakyat di Sabah (The Manila Chronicle 11 Januari 1968).

Meskipun hubungan diplomatik antara kedua-dua negara dilihat masih dalam peringkat pemulihan, isu Sabah sering menjadi salah satu punca kerenggangan hubungan tersebut disebabkan oleh kenyataan dan sindiran pemimpin serta ahli politik Filipina. Contohnya, Konsul Jeneral Filipina di Singapura, Mariano Logarta pernah membuat kenyataan negatif mengenai Malaysia di dalam surat khabar di Singapura. Antara kata-kata Logarta yang dipetik daripada surat khabar tersebut ialah beliau berpandangan bahawa jika kerajaan Filipina menangguhkan tuntutannya terhadap Sabah, maka sudah tentu kerajaan Malaysia akan mengambil kesempatan ini untuk memanipulasi semua sumber di Sabah. Menurut Logarta, Malaysia terus mengeksplorasi kekayaan Sabah dan sengaja bertindak dengan menolak rundingan untuk menyelesaikan tuntutan Sabah. Tun Abdul Razak menyangkal kenyataan Logarta sebagai tidak berasas dan menyatakan bahawa nota bantahan akan dihantar kepada kerajaan Filipina terhadap kenyataan anti-Malaysia Logarta (FCO 15/303 DP 3/4: The Manila Chronicle, 2 Ogos 1967).

Logarta tidak menafikan kenyataannya tetapi menegaskan bahawa ia merupakan pendapat peribadinya dan bukan pandangan rasmi kerajaan Filipina. Sejurus selepas itu, surat khabar di Filipina melaporkan kenyataan daripada Duta Besar Malaysia ke Filipina, Abdul Hamid Jumaat semasa menghadiri sidang media di Jesselton, Sabah yang mengatakan bahawa tuntutan Filipina itu tidak berasas. Berita ini telah mendapat liputan meluas di Filipina dan memburukkan lagi hubungan antara kedua-dua negara (The Manila Chronicle 11 Jun 1966). Terdapat beberapa ahli politik Filipina yang tidak bersetuju dengan pemerintahan Marcos dalam mengendalikan tuntutan ke atas Sabah seperti Senator Lorenzo Sumulong. Sumulong melihat tuntutan Filipina terhadap Sabah mempunyai banyak kelemahan secara prinsip dan dasarnya (Privilege Speech by Senator Lorenzo Sumulong 25 March 1963 Philippines Senate Republic of Philippines, Record of the Senate). Menurutnya, penduduk Sabah sendiri tidak mahu bergabung dengan Filipina dan menegaskan bahawa kehendak rakyat adalah paling utama dalam menentukan masa depan

mereka. Selain itu, Sumulong berpendapat bahawa isu tersebut tidak semestinya berdasarkan tuntutan atau tindakan masa lalu yang dilakukan oleh Sultan Sulu tetapi sebaliknya harus menumpukan kepada kehendak rakyat untuk memilih masa depan mereka (Department of Information Malaysia Sabah Claim Through Some Filipino Etes Kuala Lumpur 1969). Sumulong juga mengkritik pendapat Marcos yang mendakwa bahawa semua rakyat Filipina bersatu dengan pemerintahannya untuk menuntut kembali Sabah kepada Sultan Sulu (Privilege Speech by Senator Lorenzo Sumulong 25 March 1963). Ahli politik pembangkang berpandangan bahawa pewaris Kesultanan Sulu telah menandatangani dokumen rasmi persetujuan menerima Marcos sebagai Presiden Filipina dalam hal mengambil alih tindakan menuntut hak dan harta mereka serta mewakili mereka dalam menuntut Sabah (Manila Times 12 April 1968). Bahkan, terdapat laporan daripada parti pembangkang di Filipina yang menuduh Marcos telah memeterai perjanjian rahsia dengan pewaris Kesultanan Sulu untuk menyerahkan Sabah kepadanya sebagai harta persendirian dan perjanjian itu dikatakan menjadi niat sebenar tuntutan Marcos ke atas Sabah (T. J. S. George 1980).

#### LAWATAN MARCOS KE MALAYSIA, 1968

Marcos mengunjungi Malaysia pada 9 Januari 1968. Sebelum lawatan itu, Marcos telah menyatakan dalam sidang media bahawa beliau telah meminta Setiausaha Luar Filipina, Narciso Ramos untuk mempercepat tarikh rundingan awal dengan Malaysia mengenai tuntutan Sabah. Namun begitu, para pegawai Malaysia berpendapat bahawa rundingan awal harus dilakukan selepas Marcos melakukan lawatan kerana bimbang dengan sentimen anti-Filipina semasa lawatannya (Lela Garner Noble 1997). Keputusan Marcos untuk mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia menimbulkan banyak kritikan dan kecaman oleh akhbar harian di Filipina. Kebanyakan laporan berita menyatakan keperluan untuk Marcos membatalkan lawatannya ke Malaysia. Namun begitu, Marcos menolak cadangan tersebut dan menganggapnya sebagai tidak berasas sementara akhbar di Manila menuduh kerajaan Malaysia sengaja berlengah-lengah dalam penyelesaian mengenai Sabah (Manila Times 5 Januari 1968). Biarpun terdapat beberapa tentang terhadap lawatan beliau ke Malaysia, Marcos tetap meneruskan hasratnya untuk meneruskan kunjungan rasmi ke Malaysia.

Sebelum berlepas ke Malaysia, Marcos menyatakan tarikh rundingan awal mengenai Sabah telah ditetapkan dan akan diumumkan semasa ketibaannya di Kuala Lumpur. Marcos menegaskan bahawa tujuan utama lawatannya ke tiga negara Asia Tenggara adalah untuk mengeratkan hubungan dan mengekalkan tradisi rakan kongsi yang telah wujud selama ribuan tahun. Di samping itu, lawatan tersebut juga bertujuan mengukuhkan komitmen Filipina terhadap ASEAN (The Manila Chronicle 8 Januari 1968).

Disebabkan keperluan geografi, persamaan sejarah dan tradisi hubungan antara Filipina dengan negara-negara Asia Tenggara lain harus terjalin seperti hubungan masa lalu yang dibanggakan untuk dibina semula pada zaman moden (Manila Times 2 Januari 1968).

Marcos menekankan bahawa lawatannya bertujuan menunjukkan bahawa komitmen terhadap ASEAN merupakan tanggungjawab bersama. Akhbar di Filipina melaporkan bahawa Marcos bersedia untuk mengadakan rundingan berkenaan tuntutan ke atas Sabah dan juga membincangkan kerjasama ekonomi serantau. Di samping itu, antara agenda lain beliau ialah pelaksanaan penuh terhadap Perjanjian Antipenyeludupan (*the Anti-Smuggling Agreement*), terutamanya membabitkan jaringan komunikasi dua hala (FCO 15/303 DP 3/4). Setibanya di Malaysia, Marcos menekankan bahawa beliau secara peribadinya akan melakukan rundingan bersama Tunku mengenai tuntutan ke atas Sabah, perjanjian antipenyeludupan dan masalah buruh Filipina di Sabah. Pemerhati politik percaya kedua-dua pemimpin tidak akan mengabaikan tuntutan ke atas Sabah kerana masa depan hubungan diplomatik Filipina–Malaysia tidak menentu ketika itu. Walau bagaimanapun, rundingan yang dinyatakan tidak berlaku setelah terjadinya Peristiwa Corregidor. Peristiwa ini juga dikenali sebagai Peristiwa Jabidah yang dikatakan berlaku di Pulau Simanul pada 18 Mac 1968, membabitkan sekumpulan pemuda yang dipercayai dilatih untuk merampas Sabah. Berita ini dilaporkan oleh pemimpin pembangkang di Dewan Kongress Filipina, Benigno Ninoy Aquino. Berita tentang peristiwa ini telah mengeruhkan lagi suasana hubungan dua hala (FCO 15/303 DP 3/4).

#### SENATE BILL NO. 954 (REPUBLIC ACT 5546)

Senat Filipina telah meluluskan *Senate Bill No. 954 (Republic Act 5546)* yang juga dikenali sebagai *The Sabah Law* pada 26 Ogos 1968. Catatan British

merujuk rang undang-undang itu sebagai Rang Undang-Undang Perairan Wilayah (*Territorial Waters Bill*) kerana rang undang-undang tersebut berada dengan sempadan wilayah Filipina. Antara kandungan rang undang-undang ini ialah Sabah dan perairan sekitarnya dimasukkan dalam Kepulauan Filipina; serta penempatan semula perairan Filipina. Kongres Filipina meluluskan rang undang-undang tersebut dan ia dilihat mendapat sokongan yang luar biasa dengan hanya satu suara menentang rang undang-undang berkenaan. Bahagian 2 dalam rang undang-undang ini menyatakan bahawa:

Definisi garis dasar laut wilayah Kepulauan Filipina seperti yang diperuntukkan dalam Undang-Undang ini tanpa prasangka untuk mengubah persempadanan garis dasar laut wilayah di sekitar wilayah Sabah, yang terletak di Borneo Utara, di dalam kedaulatan Republik Filipina (Ahmad Zainuddin b Husin 1999).

Bahagian 2 rang undang-undang itu menggambarkan bahawa laut wilayah di sekitar Sabah (Borneo Utara) sebagai sebahagian daripada Republik Filipina. Kerajaan Malaysia melihat tindakan ini sebagai tidak menghormati kedaulatan Malaysia ke atas Sabah (Acram Latiph 13 Mac 2013: Ahmad Zainuddin b Husin 1999). Kerajaan Malaysia menasihati Marcos agar tidak menerima dan menyetujui rang undang-undang tersebut.

Namun begitu, Marcos mengingkari semua bantahan, nasihat dan amaran Malaysia dengan menerima serta mengesahkan rang undang-undang itu pada 18 September 1968 (Straits Times 7 September 1968). Sejurus selepas itu, Tunku mengumumkan penggantungan hubungan diplomatik dengan Filipina pada 19 September 1968 (FCO 15 /309 DP 3/4). Beliau mengkritik keputusan Marcos mengiktiraf Malaysia tetapi sebaliknya menolak untuk menerima Sabah sebagai sebahagian daripada Malaysia. Beliau juga menekankan bahawa keputusan Senat Filipina untuk meluluskan undang-undang tersebut sebagai satu tindakan yang tidak bertanggungjawab (Straits Times 3 September 1968). Kerajaan Filipina tidak berdiam diri, sebaliknya telah mengemukakan surat bantahan kepada Duta Besar Malaysia ke Manila berkenaan dengan kenyataan Tunku tersebut.

Bagi meredakan keadaan, Marcos meyakinkan bahawa rang undang-undang itu tidak bertujuan menegaskan kedaulatan Filipina ke atas Sabah, tetapi hanyalah untuk mengesahkan semula tentang kewujudan tuntutan tersebut. Marcos mengatakan bahawa walaupun *Senate Bill No. 954* diluluskan, kerajaan Filipina tidak mempunyai niat untuk memasukkan Sabah ke dalam Filipina. Beliau dengan lebih lanjut menjelaskan bahawa berdasarkan klausu

dalam rang undang-undang itu, “*acquired dominion sovereignty*”, hanyalah digunakan dari aspek undang-undang dan bahawa Filipina menerima pemilikan Sabah secara kekal dengan Malaysia (FCO 15/309 DP 3/4).

Keputusan Marcos untuk menerima rang *Senate Bill No. 954* disifatkan Tunku sebagai sengaja mencuba untuk menimbulkan kemarahan yang juga seolah-olah merupakan serangan terbuka terhadap Malaysia. Beliau memberikan amaran sekiranya Filipina melakukan sebarang cara untuk mendapatkan semula Sabah secara paksaan, kerajaan Malaysia tidak akan teragak-agak melakukan perkara yang sama demi melindungi kedaulatan wilayahnya (The Manila Chronicle 19 September 1968).

Setelah mengumumkan penggantungan hubungan diplomatik antara Malaysia dan Filipina pada 19 September 1968, Tunku juga mengumumkan bahawa Perjanjian Antipenyeludupan (*the Anti-Smuggling Agreement*) telah tamat (The Manila Chronicle 19 September 1968). Keputusan Tunku untuk menamatkan perjanjian ini telah menyemarakkan kemarahan kerajaan Filipina. Menurut memo yang dihantar ke Wisma Putra (Kementerian Luar Negeri Malaysia) pada 30 September 1968, kerajaan Filipina tidak mengiktiraf kedaulatan Malaysia ke atas Sabah ketika perjanjian itu ditandatangani. Kenyataan ini memberikan satu kejutan kerana kerajaan Filipina meminta bantuan Malaysia untuk mengekang penyeludupan. Hakikatnya, salah satu sebab di sebalik keputusan Marcos untuk memulakan semula hubungan diplomatik dengan Malaysia adalah bagi mengadakan *the Anti-Smuggling Agreement* (FCO 24 /263 HQ 3/10).

Menurut Marcos, pembatalan *the Anti-Smuggling Agreement* dilihat tidak mematuhi syarat-syarat perjanjian yang telah dimeterai. Hal ini demikian kerana secara jelasnya kedua-dua pihak harus memberikan notis enam bulan sebelumnya jika mereka ingin membatalkan perjanjian tersebut dan berkeras untuk membawa perkara itu ke PBB. Akhbar Filipina menyarankan bahawa kes tersebut dibawa ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) untuk diadili. Menteri Luar Malaysia mengeluarkan kenyataan bahawa tindakan kerajaan Filipina yang menuduh Malaysia menanggung pembiayaan dan mempromosikan penyeludupan ke Filipina adalah tidak berasas (The Manila Chronicle 17 November 1968). Pegawai Wisma Putra menegaskan bahawa sesiapa sahaja boleh membeli barang di Sabah dan sekiranya ia dibawa masuk ke Filipina, hal itu menunjukkan kegagalan Filipina dalam menjaga keselamatan perairan mereka. Jelas dilihat di sini,

kerajaan Malaysia seolah-olah menyindir kegagalan pihak berkuasa Filipina dalam membanteras kegiatan tersebut.

Pada 22 September 1968, Marcos menyatakan kesediaannya untuk bertemu dan berunding dengan sesiapa sahaja bagi mengurangkan suasana tegang akibat tuntutan ke atas Sabah di samping memberikan jaminan kepada PBB bahawa mereka akan segera menyelesaikan konflik tersebut. Tunku turut dilihat bersepakat dengan Marcos dan menegaskan beliau juga ingin berunding dengan Marcos untuk mencari penyelesaian serta membaiki hubungan antara kedua-dua negara. Namun begitu, Tunku secara terang-benderang menegaskan bahawa pihaknya tidak akan berunding mengenai Sabah. Rentetan daripada itu, pada 3 Oktober 1968, kerajaan Filipina menyatakan hasrat untuk berunding dengan Malaysia meskipun tidak dapat membangkitkan isu Sabah (Straits Times 23 September 1968).

Sebaik sahaja situasi mula reda, Setiausaha Luar Filipina, Narciso Ramos ketika menyampaikan ucapan di PBB menyatakan kerajaan Filipina merasakan bahawa cara terbaik untuk menyelesaikan masalah Sabah adalah dengan mengemukakan tuntutan itu ke ICJ. Namun begitu, pada akhir ucapannya, Ramos membuat kenyataan bahawa Filipina tidak mengiktiraf kewibawaan Malaysia untuk mewakili penduduk Sabah (Straits Times 28 September 1968). Kesan daripada kenyataan itu, rundingan antara kedua-dua negara yang seharusnya berlangsung di Tokyo, Jepun pada 22 Oktober 1968 telah dibatalkan. Ucapan Ramos menimbulkan bantahan keras daripada kerajaan Malaysia. Hubungan antara kedua-dua negara ketika itu sangat tegang dan peperangan berkemungkinan akan berlaku pada bila-bila masa (Straits Times 10 Oktober 1968).

Semasa Marcos memberikan ucapan pada 28 September 1968, beliau sedia maklum bahawa Amerika Syarikat dan Soviet Union menyokong Malaysia. Namun begitu, kerajaannya tidak akan menarik balik tuntutan terhadap Sabah. Amerika Syarikat dilihat bersimpati dengan kerajaan Malaysia dan menegaskan bahawa penyertaan Sabah dalam Persekutuan Malaysia pada tahun 1963 dilaksanakan berdasarkan peruntukan undang-undang. Apabila *Senate Bill No. 954* diluluskan, Jabatan Negara Amerika Syarikat mengarahkan kedutaan mereka di Manila mengeluarkan kenyataan mengenai keimbangan mereka terhadap kemungkinan berlaku pergolakan antarabangsa yang melibatkan Malaysia dan Filipina disebabkan oleh rang undang-undang tersebut (FCO 15 /309 DP 3/4).

Bagaimanapun, kebimbangan yang disuarakan itu tidak diendahkan lalu membuatkan Amerika Syarikat bertindak mengarahkan duta besarnya di Manila untuk menasihati kerajaan Filipina agar tidak melakukan keputusan bodoh dalam menyelesaikan isu tuntutan ke atas Sabah (FCO 15 /309 DP 3/4). Akibatnya, sentimen anti-Amerika sangat tinggi dalam kalangan penduduk dan pemimpin Filipina, malah beberapa pemimpin mendesak kerajaan Filipina untuk mengkaji semula atau membatalkan segala perjanjian pertahanan bersama dengan Amerika Syarikat. Keadaan menjadi lebih tegang apabila Marcos membuat kenyataan bahawa sekiranya Malaysia benar-benar mahu memutuskan hubungan dengan Filipina, maka Malaysia perlu membuat pengumuman rasmi berdasarkan prosedur dan peraturan antarabangsa yang ditetapkan dalam Persidangan Vienna. Di samping itu, Marcos memberikan amaran kepada kerajaan Malaysia agar sentiasa bersedia untuk menerima kesan akibat daripada tindakan tersebut (The Manila Chronicle 7 November 1968). Sekiranya tindakan Marcos itu dianalisis secara mendalam, ia menunjukkan bahawa beliau menganggap Malaysia tidak serius untuk memutuskan hubungan dengan mereka dan sekadar bercakap kosong tanpa tindakan yang wajar.

Meskipun Tunku telah mengumumkan untuk memutuskan hubungan diplomatik dengan Filipina pada 19 September 1968, beliau kemudian hanya bertindak menghantar notis rasmi ke Kedutaan Filipina di Bangkok melalui Kedutaan Besar Malaysia di Bangkok pada 14 Oktober 1968. Narciso Ramos kemudian mengarahkan Duta Besar Filipina di Bangkok, Mauro Calingo untuk menolak notis tersebut dan mencabar kerajaan Malaysia untuk seharusnya menghubungi Pejabat Setiausaha Luar Filipina sekiranya Malaysia benar-benar mahu memutuskan hubungan diplomatik dengan mereka (The Manila Chronicle 14 November 1968). Susulan daripada itu, semasa sidang media mingguannya, Tunku telah mengarahkan semua pegawai Kedutaan Malaysia untuk meninggalkan Manila. Pada akhir November 1968, kerajaan Filipina membuat pengumuman rasmi bahawa semua anggota kedutaannya di Kuala Lumpur akan kembali ke Filipina. Akibatnya, Kedutaan Filipina di Kuala Lumpur ditutup pada 29 November 1968. Kerajaan Malaysia membuat kenyataan bahawa kakitangan Kedutaan Filipina di Kuala Lumpur akan diberikan bantuan selaras dengan undang-undang diplomatik antarabangsa yang wujud dan segala kemudahan akan disediakan untuk membantu kakitangan kedutaan (Straits Times 14 Oktober 1968).

Namun demikian, akhbar Filipina melaporkan bahawa Kedutaan Filipina tidak mendapat hak istimewa sebagai diplomat luar negara dan tidak dibenarkan menggunakan balai bantuan khas yang disediakan untuk diplomat luar negara (Straits Times 30 November 1968). Sejurus tiba di Manila, pegawai kanan Kedutaan Filipina, Romeo T. Christobal menyatakan bahawa sejak 23 Oktober 1968, pegawai kedutaannya berada dalam situasi yang terdesak. Christobal menceritakan bagaimana beliau sentiasa menerima ugutan dan dipaksa melalui telefon pada waktu malam untuk memaksa diplomat Filipina meninggalkan Kuala Lumpur. Christobal turut mendakwa bahawa visa rakyat Filipina yang bekerja di Kuala Lumpur telah ditamatkan dan sat-satunya rakyat Filipina yang masih berada di Kuala Lumpur ialah pegawai yang bekerja dengan agensi di bawah PBB. Kerajaan Malaysia menafikan semua tuduhan ini. Sebaliknya, jurucakap Wisma Putra (Kementerian Luar Negeri Malaysia) menuduh kerajaan Filipina berulang kali menimbulkan masalah kepada kakitangan Kedutaan Besar Malaysia di Filipina. Menurut jurucakap itu, anggota kakitangan Kedutaan Malaysia terpaksa kembali dengan hanya membawa beberapa barang peribadi kerana kerajaan Filipina sengaja menangguhkan pengeluaran permit rasmi yang membolehkan barang-barang mereka dibawa pulang. Kelulusan tersebut hanya diberikan tiga jam sebelum mereka bertolak ke Kuala Lumpur. Jurucakap itu menegaskan bahawa pegawai Kedutaan Filipina di Kuala Lumpur diberikan permit rasmi sejak lima hari sebelumnya untuk membenarkan barang-barang mereka dibawa pulang sebelum meninggalkan Kuala Lumpur (Straits Times 30 November 1968). Setiausaha Luar Filipina pula telah menggariskan beberapa kesalahan yang dilakukan oleh kerajaan Malaysia. Pertama, ketika Kongres Filipina sedang mempertimbangkan undang-undang menentukan semula perairan Filipina, Tunku dilihat mengeluarkan kenyataan yang memburukkan Filipina berkaitan dengan perkara yang dinyatakan. Kedua, Malaysia membatalkan *the Anti-Smuggling Agreement* dengan Filipina. Ketiga, Malaysia mengancam untuk mengusir delegasi Kastam Filipina yang beroperasi di Sabah. Keempat, Malaysia menghantar memorandum amaran kepada anggota Kedutaan Filipina di Kuala Lumpur untuk tidak mengunjungi Sabah (The Manila Chronicle 17 November 1968).

Suasana ini sangat membimbangkan negara-negara ASEAN yang lain. Oleh itu, pada 30 Disember 1968, Perdana Menteri Thailand, Thanom Kittikachorn menyatakan kesediaan pihaknya

untuk menjadi pengantara Malaysia dengan Filipinan berkenaan isu Sabah. Permintaan Thanom Kittikachorn yang dianggap sebagai mewakili kepentingan ASEAN telah memberikan tekanan kepada Marcos. Hal ini demikian kerana permintaan itu bertujuan untuk mengembalikan keamanan di rantau ASEAN yang dilihat bergolak dengan teruk akibat ketidaksefahaman antara Malaysia dengan Filipina berkenaan Sabah. Kerajaan Indonesia juga menawarkan untuk menjadi tuan rumah bagi perbincangan antara kedua-dua negara itu (Straits Times 10 Oktober 1968). Soeharto telah bertemu dengan Timbalan Perdana Menteri, Tun Razak dan Presiden Marcos secara berasingan untuk menyatakan kebimbangannya terhadap perselisihan antara kedua-dua negara mengenai Sabah (FCO 15/311 DP 3/4). Sementara itu, Singapura dilihat menyokong Malaysia meskipun Filipina mengharapkan negara-negara ASEAN lain lebih bersifat profesional dalam memberikan sokongan terhadap tuntutan yang dinyatakan.

Semasa Persidangan Menteri Luar Negeri ASEAN di Bangkok pada akhir tahun 1968, Menteri Luar Negeri Thailand, Thanat Khoman bertindak sebagai orang tengah bagi kedua-dua negara dan menyatakan bahawa Filipina dan Malaysia telah bersetuju untuk bertenang terutamanya dalam isu Sabah. Kesudahannya, terdapat petanda bahawa kedua-dua pihak bersedia untuk kembali berunding mencari jalan penyelesaian. Semasa sidang media di Bangkok, dilaporkan bahawa Kerajaan Filipina menghormati kedaulatan Malaysia terhadap Sabah dan mengiktiraf Tun Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang meliputi Sabah. Akhirnya, kedua-dua negara bersetuju untuk menghidupkan kembali hubungan diplomatik yang telah dihentikan sejak Oktober 1968 (The Manila Chronicle 4 Disember 1968).

#### PENARIKAN SEMULA SEMUA TUNTUTAN TERHADAP SABAH OLEH MARCOS

Semasa Persidangan Pemimpin ASEAN di Kuala Lumpur pada tahun 1977, Marcos membuat pengumuman mengejutkan yang menyatakan bahawa kerajaan Filipina tidak lagi akan menuntut Sabah daripada Malaysia. Beliau menegaskan bahawa langkah ini diambil bagi memastikan keharmonian dalam organisasi ASEAN dan menekankan bahawa melalui tindakan ini, ia memberikan signifikan yang besar terhadap perpaduan, integriti dan kemakmuran ASEAN. Marcos mengakui bahawa isu Sabah

ialah penghalang kepada integriti ASEAN. Justeru, penarikan balik tuntutan ke atas Sabah ini merupakan tanda pengorbanan dan komitmen terhadap pembangunan ASEAN serta akan menghilangkan beban yang ditanggung oleh ASEAN selama bertahun-tahun.

... Filipina mengambil langkah pasti untuk menyelesaikan tuntutannya ke atas Sabah untuk menjaga keharmonian dalam Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara. Jadi, kami berharap dapat memberikan sumbangan tetap untuk kesatuan, kekuatan dan kemakmuran ASEAN....(

The Times Journal 5 Ogos 1977).

Pengumuman ini telah mengejutkan semua diplomat yang hadir dalam persidangan tersebut. Semasa berucap dalam Perhimpunan PBB, Marcos membuat pengumuman yang serupa, iaitu untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah kepada Malaysia. Sebaik sahaja Marcos mengakhiri ucapannya, Hussein Onn sebagai Perdana Menteri Malaysia dan Ketua Persidangan PBB bangkit dari tempat duduknya dan bersalamans dengan Marcos serta mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada pemimpin Filipina itu atas pengumuman tersebut. Hussein menunjukkan bahawa beliau yakin semua rakyat Malaysia juga akan berterima kasih kepada Marcos dan kerajaan Filipina (New Straits Times 7 Ogos 1977).

Sebagai tanda persahabatan dan integriti dalam melepaskan tuntutan tersebut, Marcos mengadakan lawatan rasmi ke Sabah meliputi Labuan, Kundasang, Tawau dan Kota Kinabalu sejurus selepas persidangan ASEAN itu. Menurut Marcos, tujuan sebenar lawatan tersebut ialah keinginan pihaknya untuk menunjukkan keikhlasan dan aspirasi kejujuran serta pandangan Filipina terhadap isu Sabah. Marcos menyatakan bahawa beliau mewakili 44 juta rakyat Filipina ingin mengucapkan tahniah kepada rakyat Sabah. Marcos mengimbas kembali dan berkongsi bahawa isterinya, Imelda memainkan peranan dalam mempengaruhinya untuk menghapuskan tuntutan ke atas Sabah (The Times Journal 11 Ogos 1977). Sehubungan dengan itu, beberapa kerjasama juga dibincangkan semasa lawatan Marcos ke Sabah. Seratus juta dolar telah diluluskan oleh kedua-dua kerajaan untuk projek pembinaan di Sabah yang akan dilaksanakan oleh *Construction Development Corporation of Filipina* (CDCP) dan *Asia Resources Corporation*. Selain itu, cadangan untuk membina kilang pemprosesan gula dan loji rawatan air minum juga dibincangkan. Selanjutnya, kedua-dua negara mencadangkan pembinaan kilang pemprosesan kayu

dan Filipina berjanji akan memberikan bantuan teknikal kepada Ketua Menteri Sabah, Harris Salleh (The Times Journal 6 Ogos 1977).

Kenyataan Marcos untuk menghapuskan tuntutan ke atas Sabah dan lawatan rasmi ke Sabah dilihat sebagai langkah positif dalam memulihkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara serta mengukuhkan hubungan pelbagai hala dalam ASEAN. Sememangnya Marcos turut mendapat tekanan daripada pihak berkuasa tempatan dari Sulu dan Mindanao untuk menghapuskan tuntutan keselamatan dan kepentingan wilayah. Langkah untuk menggugurkan tuntutan tersebut diharapkan dapat mengurangkan masalah penyeludupan dan sekali gus menggugurkan tuduhan terhadap Sabah sebagai lokasi yang melatih dan melindungi anggota *Moro National Liberation Front* (MNLF). Antara kepentingan lain yang diperolehi daripada lawatan ke Sabah ialah kedua-dua negara akhirnya mencapai kata sepakat untuk mencari penyelesaian berhubung dengan perkara yang membabitkan 90,000 pelarian di Mindanao, Filipina Selatan yang tinggal di Sabah ketika itu. Marcos berjanji akan menubuhkan pejabat perhubungan di Sabah untuk menyelesaikan masalah pelarian dan Hussein juga menyatakan kesediaan kerajaan Malaysia untuk menyumbang kepada program pemulihan pelarian yang akan dibincangkan secara mendalam pada bab berikutnya.

Pengumuman Marcos mengenai penarikan balik tuntutan ke atas Sabah hanyalah bersifat lisan dan tidak ada perjanjian yang ditandatangani antara kedua-dua negara. Tambahan juga, tiada perbincangan diadakan antara Marcos dan Hussein untuk menggugurkan tuntutan tersebut (The Straits Times 4 November 1977). Selepas kembali ke Manila, Marcos menetapkan 27 dan 28 Ogos 1977 sebagai tarikh untuk rundingan dengan pegawainya agar membuat pindaan perlembagaan mengenai isu Sabah. Semasa rundingan tersebut, semua pihak yakin bahawa penghapusan tuntutan ke atas Sabah sudah tentu akan membantu memulihkan keamanan di Filipina Selatan (The Straits Times 5 Ogos 1977). Selepas itu, pada 30 Ogos 1977, Setiausaha Jabatan Kehakiman, Vicente Abad Santos menegaskan bahawa penolakan tuntutan Filipina ke atas Sabah tidak memerlukan pindaan perlembagaan. Abad menjelaskan bahawa wilayah kebangsaan Filipina seperti yang ditentukan oleh perlembagaan, tidak memasukkan Sabah sama ada secara tersurat atau kesimpulan. Beliau menjelaskan bahwa definisi wilayah kebangsaan dalam Perlembagaan Filipina tidak membuat rujukan khusus untuk Sabah (FCO

15/1750). Oleh itu, tiada keperluan untuk melakukan pindaan terhadap Perlembagaan Filipina. Namun begitu, kerajaan Malaysia berpandangan bahawa Marcos perlu meminda perlembagaan sebagai jaminan bahawa tuntutan tersebut akan dijatuhkan.

Hal itu demikian kerana tiada penjelasan daripada pihak Filipina yang secara sah untuk menjatuhkan tuntutan ini. Perkara ini jelas apabila Duta Besar British di Manila, William Bently, bertanya kepada Carlos P. Romulo mengenai langkah-langkah yang perlu diambil oleh kerajaan Filipina untuk menghapuskan tuntutan ini. Romulo menjawab bahawa beliau tidak pasti sekiranya kerajaan wajar mengambil tindakan lebih lanjut. Menurut Romulo, pengumuman yang dilakukan oleh Marcos semasa sidang kemuncak ASEAN pada tahun 1977 dan di Perhimpunan Agung PBB sudah mencukupi (FCO 15/2398). Ketika ditanya sama ada perlu untuk mengubah perlembagaan, Romulo memberitahu Setiausaha Negara Britain, Lord Goronwy Roberts, bahawa ia perlu dilakukan.

Kerajaan Britain berasa tidak pasti apa yang harus dilakukan untuk menggugurkan tuntutan tersebut secara rasmi. Duta Besar Britain di Manila, Alaister T. Braille merasakan bahawa pemerintahan Marcos dilihat kurang jelas dalam menentukan langkah-langkah yang perlu diambil sebelum menggugurkan tuntutan Sabah secara rasmi. Braille menyifatkan bahawa “*it is probable that Marcos and his men are on the same boat*” (FCO 15/2398). Oleh yang demikian, kedutaan besar Britain di Manila merasakan bahawa pemerintahan Marcos akan berdiam diri berkemungkinan disebabkan oleh Pilihan Raya Dewan Undangan Interim yang akan datang dan tidak mahu pengguguran tuntutan tersebut akan menjadi isu pilihan raya. Braille semasa berbicara dengan Ketua Pengarah Protokol di Jabatan Luar Negeri, Gonzales memberitahu Braille bahawa pindaan terhadap perlembagaan tidak diperlukan dan keputusan Presiden adalah mencukupi untuk menggugurkan tuntutan itu (FCO 15/2398).

Braille yakin bahawa Marcos benar-benar mahu Majlis Perundangan Interim mempunyai badan perundangan yang diiktiraf dan apabila tiba masanya kelak, barulah Marcos akan merujuk isu Sabah kepada badan perundangan Filipina. Namun demikian, Braille merasakan situasi yang dinyatakan juga bergantung pada keadaan di Filipina Selatan dan hubungan kompleks antara Sabah, Kuala Lumpur serta Filipina. Braille cukup yakin bahawa walaupun terdapat beberapa pihak yang tidak bersetuju dengan

Majlis Filipina, ia tidak akan menjadi penghalang untuk Presiden daripada meneruskan tindakan yang ingin dilaksanakannya (FCO 15/2398). Walau bagaimanapun, setelah Majlis Perundangan Interim dibentuk, Marcos tidak mengambil langkah selanjutnya untuk menggugurkan tuntutan Sabah secara sah.

Hal ini dengan jelas menunjukkan bahawa pengumuman Marcos semasa sidang kemuncak ASEAN digunakan bukan sahaja untuk menggambarkan dirinya sebagai pemimpin ASEAN yang komited terhadap kestabilan dan kesatuan di rantau ini, malah akan berjaya memberikan implikasi positif baginya dari segi hubungan baik dengan Malaysia dan negara ASEAN lain. Ia rentetan daripada tekanan hebat yang dihadapi Marcos daripada negara-negara ASEAN lain seperti Indonesia untuk menolak tuntutan tersebut sebagai langkah yang positif bagi menyelesaikan konflik di Filipina Selatan. Marcos memerlukan bantuan kerajaan Malaysia untuk menyelesaikan konflik di selatan negaranya dan merasakan bahawa penolakan tuntutan ke atas Sabah akan menjadi langkah yang baik untuk mendapatkan sokongan Malaysia memandangkan Malaysia merupakan anggota penting dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC). Perkara ini jelas menunjukkan bahawa jika Marcos ikhlas, beliau akan mengambil langkah yang konkret dengan menolak tuntutan secara rasmi. Namun begitu, Marcos tidak melakukan tindakan menggugurkan tuntutan itu dengan serius dari tahun 1977 sehingga pemerintahannya dijatuhkan pada Februari 1986.

#### KESAN TUNTUTAN KE ATAS SABAH PASCA-MARCOS TERHADAP HUBUNGAN FILIPINA–MALAYSIA

Setelah Corazon Aquino menyandang jawatan sebagai Presiden Filipina pada tahun 1986, isu tuntutan ke atas Sabah dilihat terus berlanjutan dan menganggu-gugat hubungan antara Malaysia dengan Filipina. Sepanjang dua tahun pemerintahannya, Corazon Aquino cuba untuk menggugurkan tuntutan tersebut dengan meminda semula undang-undang dan peruntukan perlombagaan di bawah kuasa cabang perundangan (Paridah Abd. Samad & Darusalam Abu Bakar 1992). Senator Leticia Ramos-Shanani iaitu anggota badan perundangan telah mengemukakan rang undang-undang pada 19 November 1987 untuk menggugurkan tuntutan itu (Shahani Privilege Speech on the New Philippine

Archipelagic Baselines, Monday 23 November 1987: Republic of The Philippines Congress of The Philippines Senate Record of the Senate Record of Proceedings and Debates First Regular Session: Isagani De Casrto Jr. 2010). Akibatnya, perlombagaan Filipina tahun 1987, tidak mengandungi frasa, “*by historical and legal rights*” sebagai sebahagian daripada wilayah kebangsaan. Sebaliknya, frasa ini digantikan dengan, “*territories over which the Philippines has sovereignty or jurisdiction*” (Joaquin G. Bernas 1987).

Terdapat juga beberapa usaha untuk meluluskan *Senate Bill No. 206* yang mentakrifkan semula garis dasar kepulauan Filipina yang tidak merangkumi Sabah. Rang undang-undang ini telah meminda *Republic Acts 5546* dan 3046 agar mengecualikan Sabah daripada wilayah Filipina. Corazon Aquino mahukan rang undang-undang Senat ini diluluskan secepat mungkin dan menyifatkan undang-undang ini sebagai rang undang-undang “*urgent*”. Beliau berharap rang undang-undang tersebut disahkan sebelum Sidang Kemuncak ASEAN yang akan diadakan di Manila pada 14 hingga 16 Disember 1987 (Isagani De Casrto Jr. 2010). Selain itu, Corazon Aquino turut berhadapan dengan tekanan daripada Perdana Menteri Malaysia keempat pada ketika itu, Mahathir Mohamad. Mahathir menegaskan bahawa beliau tidak akan menghadiri sidang kemuncak ASEAN yang akan diadakan di Manila sekiranya isu tuntutan ke atas Sabah tidak diselesaikan. Oleh sebab ketegangan yang berlaku antara Filipina dengan Malaysia, sidang kemuncak ASEAN pada Disember 1987 terpaksa ditunda. Namun, Sultan Jamalul Kiram III mengecam rang undang-undang tersebut dan Corazon Aquino kerana tidak berunding dengannya terlebih dahulu. Sultan masih mendapat simpati dan sokongan dalam kalangan ahli politik veteran. Rang undang-undang itu ditentang keras oleh ahli-ahli perundangan Muslim yang mendakwa bahawa rang undang-undang tersebut akan membahayakan hak milik Kesultanan Sulu. Oleh itu, rang undang-undang tersebut tidak dapat diluluskan oleh Dewan Senat (Paridah Abd. Samad & Darusalam Abu Bakar 1992).

Situasi ini menyebabkan usaha untuk meminda *Republic Acts 5546* dan 3046 gagal dilaksanakan seperti yang diharapkan oleh Corazon Aquino. Namun begitu, Corazon Aquino dapat mentakrifkan semula garis dasar kepulauan Filipina melalui *Senate Bill No. 206* yang tidak merangkumi Sabah. Usaha ikhlasnya sangat dihargai oleh kerajaan Malaysia ketika sidang kemuncak ASEAN di Manila pada bulan Disember 1987 (Introduced by Senator

Senator Leticia Ramos-Shanani, An Act to Define the Archipelagic Baselines of The Philippines, Kongres Filipina, Senat S: No. 206: Paridah Abd. Samad & Darusalam Abu Bakar 1992). Mahathir menyatakan bahawa beliau tidak kecewa dengan Kongres Filipina yang tidak meluluskan rang undang-undang untuk menjatuhkan tuntutan ke atas Sabah kerana beliau yakin dengan keikhlasan Corazon Aquino dalam menyelesaikan isu tersebut (Manila Chronicle 16 Disember 1987).

Sementara itu, Fidel Ramos yang telah dilantik memegang jawatan Presiden Filipina pada tahun 1992, mengambil langkah positif untuk memantapkan lagi hubungan dua hala. Ramos dilihat mengikut langkah pemerintah sebelumnya dan berusaha mengukuhkan lagi hubungan dua hala antara Malaysia dengan Filipina. Isu tuntutan ke atas Sabah dilihat telah dibelakangkan oleh Ramos, sebaliknya beliau berusaha meningkatkan kerjasama ekonomi serantau termasuk dengan Malaysia. Ramos mengadakan lawatan ke Malaysia pada Januari 1993 dan melalui lawatan tersebut, sebuah memorandum persefahaman dipersetujui untuk membentuk *the Philippines–Malaysia Joint Commission For Bilateral Cooperation* (JCM). Tujuan suruhanjaya ini adalah untuk meningkatkan kerjasama politik, ekonomi, sosial dan budaya. Suruhanjaya ini dibentuk untuk memainkan peranan penting dalam menyelesaikan masalah serius yang mungkin timbul melibatkan kedua-dua negara selepas itu (Isagani De Casro Jr. 2010).

Namun begitu, isu Sabah bukanlah sebahagian daripada agenda mesyuarat dan pertemuan JCM; sebaliknya ia dianggap sebagai “kes khas” yang memerlukan “perhatian khusus”. Perkara ini adalah untuk memastikan bahawa isu tuntutan ke atas Sabah tidak mendominasi misi JCM. Ramos yakin bahawa tuntutan terhadap Sabah sudah tidak lagi relevan. Namun begitu, Ramos dinasihatkan oleh pakar undang-undang untuk membuka pejabat konsulat di Sabah dan kerajaannya perlu menggugurkan tuntutan tersebut. Ramos telah memaklumkan kepada Mahathir bahawa kerajaannya sedang berusaha untuk mendapatkan pemuaafakan nasional dalam mengendalikan isu tuntutan ke atas Sabah.

Oleh demikian, kedua-dua pemimpin bersetuju untuk mendirikan pejabat sementara di Kota Kinabalu, Tawau dan Sandakan yang merupakan tiga bandar utama di Sabah. Menurut Roberto Romulo, tujuan penubuhan pejabat-pejabat ini adalah untuk membolehkan kerajaan Filipina menangani keperluan rakyat Filipina di Sabah dengan lebih

baik. Pejabat-pejabat ini ditubuhkan agar dapat menyelesaikan masalah mengeluarkan pasport kepada rakyat Filipina yang tidak mempunyai dokumen sah serta mengeluarkan permit kerja di Sabah. Keputusan Ramos untuk menangguhkan isu Sabah merupakan satu langkah positif kerana dapat mendorong kerjasama ekonomi dua hala yang lebih baik bukan sahaja di kedua-dua negara tersebut, malah di rantau ASEAN (Isagani De Casro Jr. 2010).

Ketika pemerintahan Joseph Estrada di Filipina, Kementerian Hal Ehwal Luar Filipina telah meneruskan dasar kerajaan Fidel Ramos dalam menghadapi isu tuntutan ke atas Sabah. Semasa pertemuan JCM yang diadakan pada tahun 2000, kerajaan Filipina sekali lagi menekankan tujuan untuk menubuhkan pejabat konsulat di Sabah. Namun demikian, kurangnya kesepakatan pada peringkat nasional mengenai isu tuntutan ke atas Sabah telah menyebabkan kegagalan penubuhan konsulat. Di samping itu, banyak ahli politik Filipina yang berpandangan bahawa sekiranya konsulat Filipina ditubuhkan di Sabah, maka ia akan menjelaskan usaha Filipina untuk menuntut Sabah. Walaupun tidak meneruskan tuntutan ke atas Sabah, hubungan dua hala antara kedua-dua negara tidak pula bertambah baik disebabkan oleh sokongan Estrada terhadap pemimpin pembangkang Malaysia, Anwar Ibrahim yang ditahan pada tahun 1998. Estrada telah digulingkan oleh *People Power Revolution* pada tahun 2001 dan digantikan dengan Gloria Macapagal Arroyo (Isagani De Casro Jr. 2010).

Pentadbiran Arroyo dilihat berminat untuk meneruskan hubungan positif dan stabil dengan Malaysia serta ingin mewujudkan hubungan yang lebih baik dengan meneruskan usaha untuk menghapuskan tuntutan ke atas Sabah. Arroyo berbincang mengenai isu tuntutan ke atas Sabah bersama-sama dengan Mahathir dan kedua-dua pemimpin bersetuju untuk terus mengorak langkah ke hadapan dalam mencari jalan penyelesaian yang baik serta mesra terhadap isu berkenaan. Arroyo juga berhasrat ingin menyelesaikan konflik di Filipina Selatan dengan bantuan kerajaan Malaysia. Arroyo secara peribadi meminta agar kerajaan Malaysia pimpinan Mahathir menjadi perunding pihak ketiga dalam rundingan damai antara pemberontak MILF dengan kerajaan Filipina. Selain itu, Arroyo mengharapkan Malaysia menyokong usahanya dalam membawa pembangunan ke daerah Mindanao di Filipina Selatan. Justeru, ketika Arroyo mengunjungi Malaysia untuk kali kedua pada tahun

2002, pegawai Kementerian Luar Negeri Filipina menasihatkan Arroyo bagaimana beliau harus berbincang dengan Mahathir mengenai penubuhan konsulat Filipina di Sabah. Pegawai kementerian menasihatkan Arroyo untuk menyatakan kepada Mahathir, bahawa kerajaan Filipina sedang berusaha untuk mengumpulkan kesepakatan nasional mengenai isu terbabit (Isagani De Casro Jr. 2010).

Pentadbiran Arroyo dilihat turut mempunyai hubungan yang baik dan mesra dengan Malaysia di bawah pentadbiran Abdullah Ahmad Badawi yang menggantikan Mahathir sebagai Perdana Menteri. Pentadbiran Arroyo mencapai kejayaan memberangsangkan dari aspek hubungan dua hala yang positif dengan Malaysia kerana tuntutan ke atas Sabah bukanlah menjadi keutamaan dalam pentadbirannya. Hasrat mencapai perdamaian di Mindanao, Filipina Selatan menjadi keutamaan dan Arroyo sangat bergantung pada sokongan serta bantuan Malaysia dalam rundingan damai antara pemberontak MILF dengan pentadbiran Arroyo.

## KESIMPULAN

Konklusinya, penyelidikan ini telah menunjukkan bahawa dari tahun 1962 hingga 2010, isu tuntutan Filipina ke atas Sabah telah berterusan dan membenggu hubungan dua hala. Diakui juga bahawa isu tuntutan tersebut telah menimbulkan ketegangan antara Filipina dengan Malaysia dalam tempoh yang dinyatakan. Namun begitu, di sebalik ketegangan yang berlaku, dapat dilihat beberapa pemimpin Filipina bersikap rasional dan profesional dalam isu tuntutan kepada Malaysia tersebut. Isu tuntutan ke atas Sabah kemudian telah ‘direhatkan’ oleh kerajaan Filipina bagi menjamin hubungan diplomasi yang terjalin antara Malaysia. Berdasarkan perspektif Filipina, tuntutan ke atas Sabah adalah sah kerana penggunaan kata *pajak/padjak* yang membawa maksud “sewa” digunakan dalam perjanjian antara Sultan Sulu, Austria dengan Pengawai British Overbeck dan Dent. Filipina melihat pembayaran tahunan pajak/padjak atau wang sewa sebagai petunjuk yang jelas bahawa urus niaga tersebut sememangnya merupakan sewa. Sebaliknya, dari sudut pandangan kerajaan British dan Malaysia dalam persetujuan itu, ia bermaksud “grant” atau “cede”. Oleh itu, perbezaan tafsiran menjadi penyebab utama timbulnya salah faham ini. Sejak tahun 1962, semasa kerajaan Filipina mengemukakan tuntutan tersebut secara rasmi, hubungan kedua-dua negara bertambah tegang sehingga menyebabkan

hubungan diplomatik terputus dua kali. Walaupun Marcos mengiktiraf negara Malaysia dan hubungan diplomatik mula pulih, cara pengendaliannya terhadap isu tuntutan ke atas Sabah menyebabkan hubungan dua hala bertambah teruk. *Senate Bill No. 954 (Republic Act 5546)* merupakan contoh utama peristiwa yang merosakkan hubungan dua hala. Meskipun Marcos telah melakukan pengumuman pada persidangan ASEAN untuk menghapuskan tuntutan ke atas Sabah, secara teknikalnya, tuntutan itu tidak digugurkan. Pengumumannya hanyalah bersifat lisan dan Marcos tidak mengambil langkah yang konkrit untuk menjatuhkan tuntutan tersebut secara rasmi. Akibatnya, dari tahun 1977 hingga kejatuhan kuasanya pada Februari 1986, perselisihan Sabah tidak pernah diselesaikan.

Filipina berhasrat untuk menangguhkan tuntutan ke atas Sabah dan sebaliknya memohon sokongan serta bantuan daripada Malaysia bagi mengakhiri konflik tersebut secara bersama-sama di samping menyediakan pelaburan yang diperlukan di Mindanao untuk membangunkan Filipina Selatan. Arroyo secara peribadi meminta bantuan daripada Mahathir agar Malaysia menjadi perunding pihak ketiga semasa rundingan damai dengan pemberontak MILF di Filipina Selatan. Selain itu, Arroyo juga meletakkan kepercayaan kepada Malaysia untuk menyokong usahanya dalam membawa pembangunan di daerah miskin di Mindanao, Filipina Selatan. Perubahan sikap pemimpin Filipina juga memberikan harapan baharu kepada penyelesaian masalah yang berkaitan dengan pelarian dan pendatang tanpa izin dari Filipina ke Sabah yang mempengaruhi hubungan dua hala.

## RUJUKAN

- Azlan Selamat. 2016. Sabah dalam proses pembentukan Persekutuan Malaysia. *Jurnal Kinabalu* 19: 167-183.  
Azlie Ismail & Geetha Govindasamy. 2019. Tuntutan undang-undang dan pendekatan Malaysia di dalam Kes Pulau Ligatan, Pulau Sipadan dan Pedra Branca. *Akademika* 89(1): 83-95.  
Acram Latiph, 2013. Sabah: The question that won’t go away. <http://www.newmandala.org/sabah-the-question-that-wont-go-away/>. Diakses pada 17 April 2021.  
Ahmad Zainuddin b Husin. 1999. Tuntutan Filipina terhadap Sabah dengan tumpuan kepada Isu Senate bill No. 954 (1968). Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999.  
Bernas, J. G. 1987. *The Philippines Constitution: A Reviewer-Primer*. Manila: Rex printing Co.

- Boldt, A. 2014. Ranke: Objectivity and history. *The Journal of Theory and Practice* 18(4). <https://doi.org/10.1080/13642529.2014.893658>
- Chandran Jeshurun. 2007. *Malaysia 50 Years of Diplomacy 1957-2007*. Petaling Jaya: The Other Press Sdn. Bhd.
- Department of Information Malaysia, Sabah Claim Through Some Filipino Etes. 1969. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan.
- FCO 15/303 DP 3/4, Letter from British Embassy in Kuala Lumpur to Foreign Office in London 1 May 1968.
- FCO 15/303 DP 3/4, Press Release Information Department Malaysia, 1 April 1967.
- FCO 15/309 DP 3/4, Letter from D. F. Murrat to Foreign Office, 16 September 1968, Philippine Malaysia Relations.
- FCO 15/309 DP 3/4, Memo from Washington to Foreign Office London 20 September 1968, Philipines/ Malaysia Relations.
- FCO 15/309 DP 3/4, Telegram from M. Walker at British Embassy in Kuala Lumpur to Commonwealth Office, 19 September 1968, Malaysia/Philippines Relations.
- FCO 15/311 DP 3/4, Memo from British Embassy in Jakarta to Foreign Office, 26 September 1968.
- FCO 15/1750, Justice Chief: Dropping claim needs no amendment. Manila Domestic Service in English, 30 August 1977.
- FCO 15/2398, Letter by A. T. Braille (British Embassy in Manila) to Foreign Commonwealth Office, 13 February 1978.
- FCO 15/2398, Letter by R. N. Peirce Foreign (Commonwealth Office, London) to A. T. Braille, British Embassy Manila, 8 March 1978.
- FCO 15/2398, Letter by Wiliam Bentley (British Ambassador in Manila) to Foreign Commonwealth Office, 28 February 1978.
- FCO 24 /263 HQ 3/10, Wisma Putra Press Release Philippines / Malaysia Relations, Memo from Washington to Foreign Office London 20 September 1968, Malaysia Political Affairs Bilateral relations with the Philippines.
- FCO 24/496/FWM3/320/1, Letter from Philippines Embassy in New Delhi to Manila, 9 November 1968, Malaysia: Political Affairs and Philippines: Sabah Claim.
- Fernando, J. M. & Rajagopal, S. 2017. Politics, Security and Early Ideas of 'Greater Malaysia', 1945-1961. *Archipel* 94: 97-119.
- Foreign Affairs Review*, Vol. 5, No. 1, January-June 1966.
- George, T. J. S. 1980. *Revolt in Mindanao The Rise of Islam in Philippine Politics*. Selangor: Oxford University Press.
- Introduced by Senator Senator Leticia Ramos-Shanani, An Act to Define the Archipelagic Baselines of The Philippines, Kongres Filipina, Senat S: No. 206.
- Isagani DeCasro Jr. 2010. Bilateralism and Multilateralism in Malaysia-Philippines Relations. In *International Relations in Southeast Asia: Between Bilateralism and Multilateralism*, editor by N. Ganesan dan Ramses Amer. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Jacobini, H. B. 1964. Fundamentals of Philippine Policy Toward Malaysia. *Asian Survey* Vol. IV (11). <https://doi.org/10.2307/2642665>
- Lela Garner Noble. 1997. *Philippines Policy Toward Sabah: A Claim to Independence*. Tuscon: University of Arizona Press.
- Kus Hananto & Sity Daud. 2020. The Evolution of Indonesia's Military Doctrines in Old Order, New Order and Reformation Era, *Akademika* 90(3): 15-26.
- Laird, D. T. 1975. *The Philippines in Southeast Asia: Transactions, Interactions and Conflict with Indonesia, Malaysia, Singapore and Thailand*. Ph.D Dissertation, University of Michigan, An Arbor.
- Mohd Azhar Zainal. 2022. *Hubungan Malaysia-Brunei Berdasarkan Akhbar Pelita Brunei, 1957-1984*. Latihan Ilmiah, Universiti Sains Malaysia (USM).
- Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin, Pg Mohd Faezulfikri Ag Omar & Noor Afiqahathirahhajimin. 2020. Tun Mustapha dan Pengukuhan Islam di Sabah: 1963 – 1973. *Akademika* 90(1): 181-191.
- Mat Zin Mat Kib. 2020. The Philippines Claim Over Sabah from Cold War Perspective. In *Malaysia and The Cold War Era*, editor by Ooi Keat Gin. London: Routledge.
- Manila Daily Bulletin*, 3 Jun 1966.
- Manila Times*, 1966-1968.
- Manila Chronicle*, 16 Disember 1987.
- New Straits Times*, 7 Ogos 1977.
- Paridah Abd. Samad & Darusalam Abu Bakar, 1992. Malaysia – Relations: The Issue of Sabah. *Asian Survey* 32 (6).
- Privilege Speech by Senator Lorenzo Sumulong, 25 March 1963. Philippines Senate, Republic of Philippines, Record of the Senate.
- Philippines Department of Foreign Affairs Treaty Series (Manila)*, 1967. Vol. 6, No. 1.
- Rammani Karupiah & Danny Wong Tze Ken. 2019. The Muslim Moro Conflict In Southern Philippines: Effects On Philippines-Malaysia Bilateral Ties, 1970-2010. *JATI-Journal of Southeast Asian Studies* 24(2): 109-130. <https://doi.org/10.22452/jati.vol24no2.7>
- Sarah Poh Geok Loo. 1997. *The Corregidor Incident 1968*. Undergraduate Dissertation, Department of History. National University of Singapore.
- Shahani Privilege Speech on the New Philippine Archipelagic Baselines, Monday 23 November 1987, Republic of The Philippines, Congress of The Philippines Senate, Record of the Senate, Record of Proceedings and Debates, First Regular Session.
- Straits Times*, 1968.

- Stockwell, A. J. 1974. Colonial Planning During World War II: the Case of Malaya. *The Journal of Imperial and Commonwealth History* 2(3): 333-351.
- Tarling, N. 1978. *Sulu dan Sabah : A Study of British Policy toward The Philippine and North Borneo From Late 18<sup>th</sup> Century*. London: Oxford University Press.
- The Manila Chronicle*, 1968-1977.
- Tregonning's, K. G. 1970. The Philippine Claim to Sabah. *Journal of Malaysia Branch of Royal Asiatic Society (MBRAS)* Vol. XIII Part1.

Rammani Karupiah (corresponding Author)  
Independent Researcher,  
Sekolah Menengah Kebangsaan USJ 8, Persiaran  
Kewajipan  
47610 Subang Jaya,  
Selangor  
Malaysia  
Email: rammaninathan@ymail.com

Mohd Firdaus Abdullah  
Program Sejarah,  
Pusat Kajian Sejarah, Politik & Hal Ehwal Antarabangsa  
(SPHEA)  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor  
Malaysia  
Email: mfa@ukm.edu.my

Received: 24 Oktober 2021

Accepted: 26 March 2022